

02/01/1997

Umno Johor nafi wujud perpecahan

JOHOR BAHRU, Rabu - Umno Johor hari ini menafikan wujudnya perpecahan di kalangan pemimpin parti itu berikutan pertukaran Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri.

Ketua Penerangannya, Datuk Mohamad Aziz berkata, setakat ini tidak berlaku perpecahan seperti yang digembar-gembur oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Umno Johor masih mantap dan tidak wujud perpecahan. Setakat ini tidak ada kumpulan A atau kumpulan B.

"Pemilihan sudah berlalu dan siapa yang memenangnya, kita akan menyokong," katanya ketika dihubungi hari ini.

Berita Harian difahamkan ada sebilangan kecil pemimpin Umno di negeri ini kurang senang di atas pelantikan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman sebagai Pengerusi Badan Perhubungan negeri menggantikan Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin.

Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini melantik Abdul Ghani berikutan kekalahan Muhyiddin mempertahankan jawatan Naib Presiden dalam Perhimpunan Agung Umno, Oktober tahun lalu.

Mohamad berkata, walaupun tidak menerajui parti di peringkat negeri, namun Muhyiddin masih berperanan dalam parti sebagai ahli jawatankuasa badan perhubungan negeri selaras kedudukannya sebagai Ketua Bahagian Pagoh.

Mengenai masa depan Muhyiddin di dalam parti dan kerajaan, beliau berkata ia terserah kepada Dr Mahathir untuk menentukannya.

"Itu adalah hak presiden dan Umno Johor akan menurut saja apa juga keputusan yang akan diputuskan kelak," katanya.

Dalam perkembangan lain, Mohamad berkata, Umno Johor menetapkan tiga agenda utama untuk dilaksanakan sepanjang tahun ini.

Menurutnya, tiga agenda itu ialah meningkatkan perpaduan di kalangan ahli, memperteguhkan kekuatan parti dan memberi keyakinan rakyat terhadap parti dan negara.

"Inilah azam tahun baru kami terutama isu yang berkaitan dengan perpaduan. Perpaduan akan diberi keutamaan kerana ia adalah teras kejayaan negara setakat ini," katanya.

(END)